

Hari Tabungan Sedunia

PTPTN mahu masyarakat terus kekal budaya menabung

Kelab Simpanan Pendidikan diperkenal pupuk kesedaran kepentingan menyimpan

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hari Tabungan Sedunia diperkenalkan pada 31 Oktober 1924 dan diraikan pada setiap tahun perlu disambut seluruh rakyat Malaysia bagi membudayakan amalan menabung dan memperjelaskan lagi kepentingan menabung, terutama kepada ibu bapa demi masa depan anak.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata tanggal 31 Oktober (hari ini) ini sebagai peringatan kepada semua masyarakat, sekiranya kita mula menyimpan dari awal



Norliza Abdul Rahim

sudah semestinya dalam jangka masa panjang simpanan kita akan bertambah dan membuah hasil ditambah dengan dividen simpanan.

“Jadikanlah Hari Tabungan Sedunia ini sebagai hari yang ditunggu-tunggu untuk diraikan sebagai sokongan kita untuk memupuk budaya dan amalan menabung, sekali gus memastikan kita mempunyai perancangan kewangan yang baik,” katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan amalan dan budaya menabung terus kekal dalam kalangan masyarakat, PTPTN menawarkan pelbagai inisiatif melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).

“Dalam usaha meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak seawal usia, PTPTN memperkenalkan modul Kelab Simpanan Pendidikan di bawah kokurikulum Kelab Kewangan Pelajar Sekolah Rendah bagi memupuk kesedaran mengenai kepentingan menabung demi masa depan.

“Melalui kelab ini, ia mampu membuatkan Simpan SSPN sinonim dalam kalangan pelajar sekolah dan membudayakan amalan menabung bermula dari bangku sekolah lagi,” katanya.

Jamin masa depan anak

Beliau berkata, perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan adalah langkah pertama yang perlu dititik beratkan ibu bapa untuk memastikan masa depan anak terjamin ketika melangkah ke menara gading kelak.

“Usaha meningkatkan literasi kewangan adalah perkara utama demi mempertingkatkan kesejahteraan kewangan. Ibu bapa yang celik kewangan adalah aset berharga bagi keluarga, kerana mereka *superhero* dalam membantu mencipta kestabilan kewangan, merencanakan masa depan lebih baik dan memberi contoh positif kepada anak mereka dalam hal pengelolaan ke-



wangan,” katanya.

Norliza juga berharap, Simpan SSPN menjadi pilihan utama dan sewajarnya dimiliki setiap isi rumah kerana ia bukan hanya simpanan semata-mata, tetapi turut menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat menyeluruh.

“PTPTN adalah Tabung Pendidikan untuk anak anda dan kami akan sentiasa membantu anda dalam membuat perancangan kewangan untuk masa depan mereka,” katanya.

Bagi program Bulan Menabung Simpan (BMS) SSPN 2023, PTPTN membawa tema Robotik: Ke Arah Transformasi Dunia Pendidikan.

Norliza berkata, penganjuran BMS 2023 kali ini dilaksanakan mengikut konsep jelajah dengan merentasi 14 negeri di lokasi ter-

pilih seluruh Malaysia sepanjang Oktober.

“Program ini sebagai tanda penghargaan kepada rakyat Malaysia kerana setia memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk membuat simpanan,” katanya.

Katanya, aktiviti menabung perlu terus dipupuk agar ia menjadi budaya dalam keluarga.

Untuk memastikan budaya menabung terus lestari, ibu bapa perlu menjadi *superhero* dengan mula membuat tabungan untuk keperluan semasa dan masa hadapan anak di awal usia mereka.

Sempena Hari Tabungan Sedunia tahun ini, saya berharap masyarakat Malaysia terus meningkatkan budaya dan amalan penabungan melalui Simpan SSPN demi masa depan yang lebih terjamin.

Didik, pupuk literasi kewangan sejak kecil

Kuala Lumpur: Literasi kewangan kini suatu kewajipan dan masyarakat perlu celik hal ini dan mesti dididik serta dipupuk sejak awal usia.

Pakar Kewangan dan Motivator, Dr Azizul Azli Ahmad, berkata literasi kewangan sukar dipupuk apabila sudah mencapai usia dewasa.

“Literasi kewangan adalah satu keperluan bagi kanak-kanak kerana ia membentuk mereka rajin menabung dan kesedaran serta kefahaman mengenai kepentingan menabung.

“Ibu bapa berperanan menunjang suri teladan yang baik kerana anak lebih mudah mengikut perlakuan ibu bapa, berbanding nasihat dan juga arahan untuk menabung,” katanya.

Katanya, anak dididik dari kecil untuk menyimpan lebihan wang belanja ke sekolah. Perka yang betul adalah untuk mengingatkan supaya simpan dahulu apabila ada lebihan baru belanjakan.

“Konsepnya terbalik, perkara ini terpakai juga ketika menerima gaji, baru pola perbelanjaan

kita berubah. Anak juga perlu didedahkan dengan keperluan dan kehendak. Ada benda yang perlu, ada yang tidak perlu dan ada yang perlu tangguhkan untuk mendidik anak kita menyimpan. Cara kita memenuhi permintaan anak juga mempengaruhi pola perbelanjaan mereka,” katanya.

Beliau menegaskan, pendidikan kewangan penting kerana data daripada Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan rakyat Malaysia masih lemah dalam menabung.

“Masalah paling besar bukan gaji, tetapi mengawal nafsu dan ramai orang kalah. Perbelanjaan mereka yang mempunyai gaji kecil, sama dengan mereka yang mempunyai gaji besar.

“Mengurus kewangan perlu dipupuk daripada gaji kecil. Kebijaksanaan mengurus emosi juga perlu ada. Kita terlampau banyak kehendak menjadi punca kita kekurangan wang,” katanya.

Beliau berkata, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) sangat relevan



Azizul Azli Ahmad



Leylawati Joremi

kerana menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat untuk dinikmati oleh semua masyarakat Malaysia.

“Hampir semua orang tidak mempunyai kemampuan menabung untuk diri sendiri, apatah lagi anak. Ramai yang memberitahu mereka akan masukkan tabungan pendidikan anak dalam insurans. Apabila saya melakukan semakan, tiada satu yang memberi manfaat seperti Simpan SSPN,” katanya.

Tabungan secara konsisten

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Penga-

jian Kewangan Universiti Teknologi Mara (UITM), Dr Leylawati Joremi, berkata ibu bapa perlu memulakan pelan tabungan pendidikan anak.

“Pendidikan memberi peluang yang lebih luas untuk anak memilih kerjaya. Anak dengan tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung memperoleh pendapatan lumayan.

“Pendidikan tinggi membantu meningkatkan tahap kemahiran berfikir, membuat keputusan yang lebih baik dan menyelesaikan masalah dengan pemikiran kritis. Selain akademik, pendidikan tinggi berupaya meningkatkan keyakinan diri anak dan mengembangkan kemahiran sosial mereka,” katanya.

Katanya sebagai persediaan awal menghadapi pembiayaan kos pendidikan anak pada masa hadapan yang kian meningkat, ibu bapa perlu kepada pelan tabungan pendidikan yang jelas.

“Pelan tabungan pendidikan ini merangkumi matlamat kewangan, keperluan kewangan semasa, tabungan dan pelaburan.

Malaysia adalah negara membangun, di mana perkembangan ekonominya dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi dunia, yang kini pergerakannya agak perlahan.

“Senario ini mempengaruhi kos sara hidup yang turut mencakupi kos membesarkan anak. Maka, perancangan awal akan mempermudah ibu bapa mengatur hala tuju pendidikan anak seterusnya mengangkas kos pengajian tinggi mereka,” katanya.

Tambah beliau lagi, usaha PTPTN menganjurkan Bulan Menabung Simpan SSPN adalah satu daripada inisiatif murni dan platform yang signifikan untuk membentuk kesedaran ibu bapa mengenai keperluan, kelebihan dan manfaat menabung untuk pendidikan anak.

“Daya usaha PTPTN merentasi 14 negeri seluruh Malaysia sepanjang Oktober membuktikan kesungguhan PTPTN untuk menyemat kesedaran menabung, seterusnya memperkasa peranan ibu bapa sebagai adiwira anak dalam pengurusan wang,” katanya.